BAHASA MELAYU KOMUNIKASI MINGGU 25 (05.08.2021)

Jawab soalan berikut berdasarkan petikan yang diberikan.



Membaca

Taman Wetland Putrajaya

Keluarga Haikal merancang untuk mengadakan perkhemahan. Haikal mencadangkan tempat yang sesuai untuk aktiviti tersebut.

PENGENALAN

Taman Wetland Putrajaya ialah taman buatan manusia yang pertama di Malaysia. Keunikan alam semula jadi menjadikan taman ini lokasi yang sesuai untuk aktiviti riadah bersama-sama keluarga. Di sini, terdapat lebih daripada 70 spesies tumbuhan yang menjadi habitat haiwan akuatik, burung, ikan, serangga dan mamalia. Pengunjung berpeluang untuk menimba pengetahuan dan memahami alam flora dan fauna serta hubung kaitnya dengan sistem ekologi.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

1. Wakaf
2. Tapak perkhemahan
   - Surau
   - Bilik mandi
   - Tandas
   - Dewan makan
   - Tempat letak kereta
   - Tapak BBQ
   - Tempat memasak
3. Pusat penghayatan alam
   - Kedai cenderamata
   - Kafe
4. Menara pandang jauh

AKTIVITI YANG BOLEH DIJALANKAN

- Berkhemah
- Memancing
- Menunggang basikal dan joging
- Aktiviti eksplorasi di sekitar taman dan denai alam.
- Lawatan ke pusat penghayatan alam dan menara pandang jauh.

SYARAT DAN PERATURAN

- Pengunjung hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.
- Keselamatan pengunjung dan harta benda tanggungjawab sendiri.

Aktiviti

1. Berikan pendapat anda tentang aktiviti yang disediakan di Taman Wetland Putrajaya.
2. Mengapakah Taman Wetland Putrajaya menjadi lokasi pilihan keluarga Haikal?

2.1.4 Membaca dan menjawab soalan daripada bahan bacaan.

LIVEWORKSHEETS

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI MINGGU 25 (05.08.2021)

1. Keluarga Haikal merancang untuk mengadakan perkhemahan di _____ .

2. Taman Wetland Putrajaya ialah taman _____ yang pertama di Malaysia.

3. Di sini, terdapat lebih daripada _____ spesies tumbuhan yang menjadi habitat haiwan akuatik, burung, ikan, serangga dan mamalia.

4. Antara kemudahan seperti tapak _____, pusat penghayatan _____ dan menara _____ jauh.

5. Aktiviti seperti berkhemah, _____, menunggang basikal dan _____, aktiviti _____ di sekitar taman dan denai alam.

6. Pengunjung hendaklah mematuhi _____ dan peraturan yang ditetapkan.

7. _____ pengunjung dan harta _____ tanggungjawab sendiri.

LIVEWORKSHEETS